

28/10/1998

Wartawan BH menang anugerah

KUALA LUMPUR, Selasa - Wartawan Berita Harian, Mokhtar Alias, memenangi Hadiah Kewartawanan Hiburan 1997 bagi bahasa Melayu manakala kategori bahasa Inggeris dimenangi kumpulan wartawan New Straits Times (NST).

Mokhtar serta kumpulan wartawan NST (Suraya Al-Attas, Mohd Shuib Mohammed Taib, Mohd Hisham Harun, Hafidah Samat, Zainal Alam Kadir) memenangi hadiah RM5,000 dan sijil penghargaan bagi setiap bahasa.

Jurugambar New Straits Times, Lim Poh Chin, pula memenangi Hadiah Foto Terbaik dengan membawa pulang hadiah RM3,000 dan sijil penghargaan.

Hadiah disampaikan oleh Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Hadiah Kewartawanan Malaysia 1997 itu dianjurkan oleh Institut Akhbar Malaysia dan pemenang dipilih oleh sekumpulan juri terdiri daripada personaliti wartawan terkenal negara.

Wartawan China Press, Kiew Kian Hwee memenangi kategori Wartawan Cemerlang 1997 dengan artikelnya 'Overcoming the Crisis'.

Wartawan Utusan Melayu, Ramli Abdul Karim pula memenangi Hadiah Kaji dengan artikelnya 'Datang Miskin Pulang Kaya' yang mengisahkan kehidupan pendatang Indonesia di Malaysia.

Kiew memenangi hadiah RM10,000 dan sijil penghargaan manakala Ramli juga membawa pulang hadiah RM10,000, pingat emas bernilai RM1,000 dan sijil penghargaan.

Kumpulan wartawan TV3 pula memenangi Hadiah Kewartawan TV dengan liputan mengenai helikopter terhempas dan membawa pulang hadiah RM7,000 serta sijil penghargaan.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad menyampaikan hadiah kepada balu Allahyarham Tun Mohammed Fuad Stephens yang dipilih sebagai Tokoh Wartawan Negara.

(END)